



**TEKS UCAPAN  
YBHG. DATO' MOHD YAZID BIN SAIRI D.S.I.S.  
YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

**DI  
MAJLIS AMANAT TAHUN BAHARU 2024 DAN  
PERHIMPUNAN BULAN JANUARI BIL.1/2024**

**29 JANUARI 2024 | ISNIN**

**8.30 PAGI | LOBI MENARA MPS**

Assalamualaikum wbkt dan selamat pagi,

**Yang Berusaha Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi**  
Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang

**Yang Dihormati Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' (Dr) Hj  
Wan Mahmood bin Pa' Wan Teh**  
Dato' Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak

**Yang Berusaha Tuan Haji Az'har bin Samsuri**  
Penolong Setiausaha Majlis Perbandaran Selayang

Ahli-ahli Majlis, Majlis Perbandaran Selayang

Para pengarah jabatan, pegawai-pegawai, tuan-tuan dan puan-puan warga MPS sekalian.

1. Pertamanya, marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT atas limpah dan inayahNya kerana diberikan kesempatan untuk kita melangkah ke tahun baharu 2024 dan bersama-sama pada pagi yang berbahagia ini.

**YDH TAN SRI, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,**

2. Alhamdulillah kita terus diberikan kesihatan dan berada di bawah rahmat Allah SWT kerana dipanjangkan umur dan bersama-sama di tahun baharu 2024. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Tahun Baharu kepada seluruh warga MPS. Adalah menjadi

harapan kita semua agar tahun 2024 akan lebih baik daripada tahun sebelumnya.

### **IMBASAN TAHUN 2023**

3. Mengimbas tahun 2023, pelbagai cabaran, pahit manis, serta kejayaan yang telah kita perolehi. Tidak perlu untuk saya ungkapkan satu persatu kerana saya percaya anda semua sebagai warga MPS masing-masing telah tersemat di dalam minda tentang apa yang kita telah tempuhi bersama.
4. Saya kira tahun 2023 adalah tahun di mana anda semua membuktikan yang anda boleh lakukan yang mustahil. Ini saya nyatakan kerana banyak perkara yang sebelum kita rasa kita tidak boleh lakukan, tetapi dengan sedikit *“Push”* dan *“Can Do Spirit”* ianya berjaya dilaksanakan.
5. Contohnya, penganjuran Rumah Terbuka Malaysia Madani 2023 yang melibatkan YAB Perdana Menteri Malaysia. Dalam tempoh yang singkat, kita berjaya memastikan ianya berjalan dengan lancar dan mendapat pujian dari semua pihak.
6. Selain itu, pembangunan yang memberi manfaat kepada masyarakat seperti pembinaan dewan orang ramai, Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE), naik taraf Taman Rimba Bukit Lagong dan lain-lain amat membanggakan saya.

Penganjuran program yang bersifat *community empowerment* seperti Kursus Youtube untuk menjana pendapatan, Kebun Komuniti, Program Tanam Pokok, Program Kitar Semula di sekolah dan banyak lagi turut menjadi *highlight* bagi tahun 2023.

7. Selain itu, jumlah pendapatan yang MPS perolehi pada tahun lepas turut menjadi *icing on the cake* kepada saya. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua.

**YDH TAN SRI, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,**

### **HALA TUJU DAN FOKUS MPS BAGI TAHUN 2024**

8. Ketika kita berada di awal tahun baharu ini, dengan semangat yang masih tinggi, adalah penting untuk kita semua memberi fokus kepada peluang dan cabaran yang menanti. Saya amat yakin MPS akan terus berkembang dan menyesuaikan diri dengan memanfaatkan inovasi dan teknologi untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan.
9. Pelaksanaan inisiatif bandar pintar, platform digital untuk penglibatan warga perbandaran, dan penggunaan analitik data penting untuk kita membuat keputusan yang berinformasi dan pelaksanaan yang berkualiti.

10. Selain menjalankan fungsi sebagai kerajaan tempatan dengan memberi perkhidmatan perbandaran, kita juga bertanggungjawab melaksanakan dasar-dasar kerajaan. Dalam amanat YAB Dato Menteri Besar Selangor baru-baru ini, beliau telah menekankan tentang pentingnya untuk kita semua memahami dasar-dasar yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri mahupun dasar-dasar oleh Kerajaan Persekutuan.
11. Jadi kepada semua terutama ketua-ketua jabatan, amat penting untuk kita memberi perhatian tentang perkara ini dengan menterjemahkan dasar-dasar kerajaan dalam projek dan juga program yang bakal kita laksanakan.

### **BUDAYA KERJA MPS – ITQAN** إِتِّقَان

12. Saya juga ingin menyentuh tentang budaya dan sikap dalam menjalankan pekerjaan dan amanah yang diberikan melalui konsep ITQAN. Kita semua sedia maklum bahawa Islam menggalakkan umatnya untuk bersungguh-sungguh dalam setiap pekerjaan yang dilakukan.
13. ITQAN dalam Bahasa Arab bermaksud **teknik dalam beramal atau bekerja**. Ini bererti kita dikehendaki menyempurnakan atau melaksanakan satu tuntutan sebagaimana yang dikehendaki tanpa kurang sedikitpun

dengan sempurna yang disertai dengan usaha yang kuat agar tidak terlewat daripada waktu yang telah ditetapkan.

14. Sebagai penjawat awam, saya melihat konsep ITQAN ini amat sesuai kita hayati dan terjemahkan dalam pekerjaan agar kita dapat memberikan yang terbaik dalam penyampaian perkhidmatan.
15. Dalam perkembangan zaman dan teknologi kini, kita juga dituntut untuk bertukar budaya atau *reform* cara kita bekerja dan berfikir. Dengan teknologi yang serba pantas ketika ini, seperti yang turut disampaikan oleh YAB Dato Menteri Besar Selangor dalam amanat beliau "*We need to be ready 24 hours as the system is ready 24 hours*". Bukannya bermaksud kita perlu bekerja tanpa henti, - tetapi sekurang kurangnya minda kita sentiasa bersedia. Sekiranya informasi diminta atau diperlukan, kita boleh berikan tanpa perlu menunggu lama.

**YDH TAN SRI, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,**

### **FOKUS DIGITALISASI**

16. Saya juga ingin menekankan tentang fokus digitalisasi dalam penyampaian perkhidmatan. Di peringkat MPS kita berada di landasan yang betul di mana penawaran perkhidmatan secara dalam talian telahpun dilaksanakan.

17. Jumlah penggunaan portal MyMPS yang menjadi gerbang perkhidmatan untuk kutipan hasil juga amat membanggakan. Sehingga kini portal MyMPS mencatatkan sebanyak 136,706 pengguna dengan jumlah transaksi sebanyak RM 116 juta.
18. Pada Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang tahun 2023 yang telah berlangsung dengan meriah baru-baru ini juga, YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Yang Berhormat Dato' Setia Haji Haris Bin Kasim juga telah memberi pujian dan amat gembira dengan inisiatif Buku Atur Cara APC versi digital yang disediakan melalui *ipad* untuk beliau.
19. Jadi di sini terbukti bahawa usaha digitalisasi sama ada kecil atau besar, dapat memberi nilai tambah, dan juga meningkatkan kualiti kerja selain penjimatan kepada MPS.
20. Saya berharap, pada tahun 2024 ini semua jabatan menambah baik lagi dan cuba inovasikan cara kerja kita semua supaya bergerak seiring dengan teknologi dan pada masa yang sama dapat memudahkan pelanggan kita.

## YDH TAN SRI, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,

### PENUTUP

21. Mengambil *tagline* yang dikongsikan oleh YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam amanat beliau baru-baru ini #STRONGERTOGETHER – Saya amat bersetuju bahawa untuk mencapai kejayaan, kita perlu bekerja sebagai satu pasukan. Saya sendiri sebagai Yang Dipertua, bersama Tuan Timbalan Yang Dipertua hanya boleh memberikan hala tuju tetapi anda semua yang menjadi tulang belakang bagi memastikan MPS terus bergerak.
22. Jadi besar harapan saya agar kita semua pada tahun ini dapat terus bekerjasama dengan utuh sebagai satu pasukan, satu keluarga - kita ambil iktibar dan jangan ulangi segala kekurangan sebelum ini dan gerakkan apa yang telah dirancang.
23. Kepada semua Ahli Majlis yang baru dilantik yang hadir pada pagi ini juga, saya mengucapkan tahniah dan selamat bertugas dan diharapkan semua kakitangan MPS dapat memberi kerjasama yang erat kepada Ahli Majlis kita ini.



24. Sekali lagi, terima kasih atas kerjasama semua sepanjang tahun 2023 dan semoga tahun ini menjadi tahun kecemerlangan untuk semua. Selamat Tahun Baharu 2024.

### **SEBELUM ITU.....**

25. Saya ada satu pengumuman untuk semua. Pada tahun 2023, pendapatan MPS sehingga 31 Disember 2023 mencatatkan jumlah sebanyak RM249,915,612 yang mana jumlah ini merupakan 125% daripada anggaran pendapatan MPS bagi tahun 2023.

26. Berdasarkan jumlah ini, saya mengumumkan pemberian reward keseluruhan kepada semua yang **layak** dengan jumlah RM2,000. Reward ini akan diberi kepada tuan-tuan dan puan-puan semua pada 31 Januari 2024.

27. Tahniah kepada semua dan diharapkan semoga pencapaian ini dapat kita ulangi untuk tahun ini.

Sekian, Wassalamualaikum warahmatullahi warabarakatuh dan selamat sejahtera.